

## NOTIS PENGUATKUASAAN AKTA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI 2010

Kepada Pelanggan Yang Dihormati,

Pengurusan Air Pahang Berhad (PAIP) meletakkan kepentingan untuk mengikuti sebarang perubahan perundangan dan peraturan termasuk Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 yang sedang berkuatkuasa. Notis ini adalah untuk memaklumkan anda tentang usaha kami dalam memastikan kami mematuhi Akta ini dan untuk memberitahu anda maklumat-maklumat peribadi anda yang mungkin kami proses dan cara kami berbuat demikian.

PAIP akan memproses data peribadi seperti yang berikut, seperti yang diberikan oleh anda atau pembekal perkhidmatan yang diupah oleh PAIP:

- Nama;
- NRIC / pasport;
- Butir-butir untuk dihubungi, seperti nombor telefon, alamat e-mel dan alamat surat-menyurat; dan
- Semua data peribadi lain yang diberikan oleh anda atau pembekal perkhidmatan kami yang diperolehi daripada domain awam.

Kami akan memproses data peribadi anda bagi tujuan-tujuan berikut:

- Membekalkan perkhidmatan air ke rumah anda;
- Penyenggaraan saluran air ke kawasan perumahan anda;
- Menghantar bil-bil air ke rumah anda;
- Memungut bayaran kepada bil-bil yang dikemukakan

Maklumat anda adalah diperlukan oleh kami. Jikalau anda tidak memberikan maklumat seperti yang dimohon, kami tidak berupaya untuk menyimpan rekod yang lengkap tentang anda, dan ini akan menjejaskan keupayaan kami untuk menyempurnakan tujuan-tujuan yang dinyatakan di atas.

### **Penzahiran data peribadi anda**

Kami mungkin akan menzahirkan data peribadi anda kepada pihak-pihak yang dinyatakan di bawah bagi tujuan-tujuan yang dinyatakan:

- Ejen dan pembekal perkhidmatan yang membekalkan perkhidmatan yang berkaitan dengan tujuan di mana data peribadi diberikan;
- Pihak ketiga (termasuk yang berada di luar negara) yang membekalkan servis pemrosesan data;
- Sesiapa yang berada di bawah kewajipan kerahsiaan yang telah menjanjikan akan menyimpan data tersebut sebagai sulit; dan
- Operator-operator air dan Indah water Konsortium Sdn Bhd.

Kami mungkin juga akan menzahirkan data peribadi anda jikalau dikehendaki oleh undang-undang atau secara suci hati, jikalau penzahiran tersebut adalah perlu untuk (i) mengikut keperluan mana-mana agensi penguatkuasaan undang-undang, perintah mahkamah atau proses undang-undang; atau (ii) melindungi dan membela hak-hak atau harta PAIP.

### **Akses, pembetulan dan aduan**

Anda boleh meminta akses untuk membuat pembetulan kepada atau untuk menghapuskan maklumat peribadi anda atau untuk menghadkan pemrosesan itu pada bila-bila masa selepas ini. Sebarang pertanyaan atau aduan berkenaan dengan maklumat peribadi anda juga boleh disalurkan kepada PAIP dengan mengemukakan permintaan tersebut kepada alamat berikut:

Pegawai,  
Unit Undang-Undang,  
Pengurusan Air Pahang Berhad,  
Bandar Indera Mahkota,  
25200 Kuantan, Pahang.

No Telefon : +(609) 571 2222  
No Fax : +(609) 571 2221  
E Mel : ceo@paip.com.my

Sebarang permohonan untuk akses kepada data peribadi mungkin dikenakan yuran dan perlu mematuhi syarat-syarat di bawah Akta Perlindungan Peribadi 2010.